

## Bersediakah Kita Hadapi Sekatan Pergerakan Penuh?



Oleh: Azwa Nabila Alimi  
*Universiti Sains Islam Malaysia*  
*Diterbitkan pada 3 Ogos 2021*



Gambar hiasan

Malaysia kini berada dalam fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula dikuatkuasakan pada Mac 2020. Fasa ketiga yang menyaksikan sekatan pergerakan penuh dilaksanakan kerajaan bagi menyekat penularan jangkitan Covid-19.

Peningkatan kes positif Covid-19 secara mendadak menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat Malaysia, apatah lagi dengan kemunculan beberapa varian baharu serta angka kematian yang semakin bertambah.


Malaysia sebenarnya mampu mencapai kes harian Covid-19 sifar jika semua pihak memberi kerjasama dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Kebanyakan SOP hampir sama dengan PKP 1.0 yang dikuatkuasakan pada bulan Mac tahun lalu. Jadi, semua pihak seharusnya sudah memahami segala peraturan yang ditetapkan.

Pematuhan SOP bermula dari diri setiap rakyat Malaysia. Sebagai anggota masyarakat, kita seharusnya mengamalkan kawalan sendiri dalam setiap situasi dan tempat.

Selain penggunaan topeng muka, kita juga diwajibkan untuk menjaga penjarakan fizikal ketika keluar dari kediaman untuk mendapatkan keperluan asas atau menyempurnakan tanggungjawab.

Namun, orang ramai lebih digalakkan duduk di rumah jika tiada sebarang urusan yang perlu diselesaikan segera. Saranan itu bertujuan mengelakkan kesesakan di kawasan-kawasan tumpuan ramai.



Gambar hiasan

Kerajaan juga telah menggariskan beberapa peraturan bagi sektor perkhidmatan ekonomi dan sosial dalam usaha mengekang penularan Covid-19.

Semua sektor perniagaan diarahkan untuk menanggungkan operasi kecuali perkhidmatan perlu seperti peruncitan dan pasar awam, keselamatan dan bahan api serta perbankan dan perdagangan.

Walaupun boleh beroperasi, sektor perkhidmatan tersebut diwajibkan mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Selain tidak boleh beroperasi selama 24 jam, mereka juga perlu menghadkan jumlah pekerja di dalam premis dan baki pekerja perlu bekerja dari rumah.

Kerajaan menetapkan bahawa 40 peratus daripada pekerja sektor swasta dan 80 peratus penjawat awam bekerja dari rumah.

Bagi memastikan SOP dipatuhi sepenuhnya, kerajaan telah menaikkan jumlah kompaun kepada mana-mana individu yang didapati didapati ingkar.

Kerajaan telah mewartakan nilai kompaun terhadap mereka yang melanggar SOP sebanyak RM10,000 berbanding RM1,000 sebelumnya susulan Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.

Tujuan utama kenaikan kompaun itu adalah untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kepentingan menjaga SOP semasa tempoh PKP.

Peraturan ini juga terpakai bagi mana-mana syarikat atau premis perniagaan yang didapati melanggar SOP yang ditetapkan terhadap mereka.

Menurut Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, perbuatan syarikat melanggar prosedur ketika PKP adalah satu kesalahan jenayah.

Syarikat yang didapati melanggar SOP akan berdepan tindakan undang-undang mengikut akta semasa selain daripada diarahkan untuk menutup operasi dengan serta-merta.

Ketidakpatuhan SOP juga adalah satu kesalahan jenayah bawah Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 3) 2020.

Sememangnya, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan sekatan pergerakan penuh kali ini.

Malaysia sukar untuk keluar dari kemelut pandemik ini jika rakyat tidak bekerjasama dan bersedia mematuhi segala peraturan yang digariskan.

Marilah kita bersama-sama mematuhi SOP agar negara ini bebas sepenuhnya daripada ancaman pandemik Covid-19.